

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF  
(RANTAU PANJANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 18.05.2015**

**Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [ RANTAU PANJANG ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan hutang negara dalam dan luar negara terkini berbanding dengan KDNK serta kesan penurunan nilai ringgit serta Indeks Harga Pengguna (CPI) terkini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah **hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir Mac 2015 adalah sebanyak RM596.8 bilion atau 52.1% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).**

Daripada jumlah berkenaan, **97% atau RM579.2 bilion adalah hutang domestik, sementara bakinya RM17.6 bilion atau 3% merupakan pinjaman luar pesisir.** Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana.

2. Lazimnya, penyusutan nilai ringgit akan menyebabkan kenaikan kos import. Peningkatan ini akan menyebabkan kesan langsung terhadap Indeks Harga Pengguna (IHP) yang mengukur inflasi kerana harga barangan yang diimport secara terus dari luar negara akan menjadi lebih mahal. Walau bagaimanapun, dalam persekitaran harga minyak yang rendah dengan ketara, kesan terhadap kadar inflasi adalah kecil, antaranya disebabkan oleh jumlah barangan import tidak termasuk petrol dan diesel mencakupi hanya 7.2% daripada bakul IHP. Malahan dalam tempoh suku pertama 2015, harga import pada peringkat pengeluar telah mencatatkan penurunan sebanyak 0.3%.

3. Dari sudut keseluruhan IHP, bagi tempoh tiga bulan pertama 2015, inflasi hanya meningkat perlahan, iaitu 0.7% berbanding 3.4% bagi tempoh yang sama tahun lepas. Bagi bulan Januari 2015, inflasi meningkat sederhana sebanyak 1% berbanding bulan sebelumnya (Disember 2014: 2.1%) disebabkan oleh pengurangan harga pam petrol RON97 dan RON95